

**KILANG BERTINGKAT :**  
**PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN MASA KINI**  
**DIKUALA LUMPUR**

KILANG BERTINGKAT :

Perkembangan Pembangunan masa kini  
diKuala Lumpur.

Oleh :-

AHMAD BADRI BIN MOHD.ZAHIR

Satu Kajian akhir yang disediakan  
untuk memenuhi sebahagian dari  
syarat untuk penganugerahan

DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN HARTANAH

dibawah penyeliaan  
Encik Zainal bin Mat Sa'at

Jabatan Pengurusan Hartanah  
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Shah Alam

Sessi 1985/1986

(i)

PENGHARGAAN

Tanpa bantuan, tunjuk ajar, kerjasama serta galakan dan perangsang dari beberapa pihak tertentu, mungkin matlamat untuk menyediakan kajian akhir ini tidak dapat dijayakan mengikut masa yang ditetapkan sehingga ia menjadi satu kenyataan.

Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Zainal bin Md. Saat, Penyelia Utama yang telah bersusah payah membimbing saya dengan memberi pandangan serta tunjuk ajar yang membina.

Disamping itu saya sangat-sangat terhutang budi kepada beberapa pihak yang telah sama-sama memberikan kerjasama serta bantuan sehingga kajian ini selesai iaitu :-

1. Puan Azizah Sulaiman  
Pegawai Kanan  
Malaysian Resources Corporation Sdn. Bhd.  
Kuala Lumpur.

## **IST KANDUNGAN**

MUKA SURAT

Penghargaan	i
Senarai Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii

### PENDAHULUAN

Objektif Kajian	5
Methodologi Kajian	6
Sekatan terhadap skop kajian	8

### BAB PERTAMA

#### PENGENALAN

1.1	Malaysia:Pembangunan Industri Secara Am	9
1.2	Strategi Perindustrian Malaysia	13
1.3	Pembangunan Perindustrian diKuala Lumpur	14
1.3.1	Kuala Lumpur Secara Am	14
1.3.2	Pembangunan industri dan Pasarannya diKuala Lumpur	16

### BAB DUA

#### PERKEMBANGAN INDUSTRI DAN MASAALAHNYA

2.1	Masaalah yang dihadapi didalam pembangunan industri ringan dan sederhana di Kuala Lumpur	21
2.1.1	Kegiatan industri-industri haram	21

## PENDAHULUAN

Masaalah kekurangan tanah perindustrian adalah merupakan satu isu yang sering kita dengar bukan sahaja dimedia-media, tetapi juga didalam forum-forum, konvensyen-konvensyen yang dianjurkan oleh berbagai badan. Halifikat ini dapat dilihat memandangkan dewasa ini permintaan terhadap sektor perindustrian semakin meningkat terutama dikawasan-kawasan seperti Lembah Kelang dan Kuala Lumpur khasnya yang mana pada masa kini sedang giat membangun samaada dari segi pembangunan maupun kadar pertumbuhan yang tinggi.

Permintaan yang tinggi keatas harta-harta perindustrian dikawasan ini adalah disebabkan adanya rangkaian infrastruktur dan kemudahan perhubungan yang baik. Dengan bertumbuhnya industri-industri berat dan ringan yang seperti cendawan dikawasan ini tidak hairanlah sekiranya terdapat masaalah kekurangan tanah perindustrian diKuala Lumpur ini.

Dimasa yang sama, masaalah yang sedia ada ini ditambah lagi dengan kegiatan-kegiatan industri haram yang banyak terdapat dikawasan sekitar Kuala Lumpur. Kawasan-kawasan seperti Kepong, Jinjang dan Sungai Besi adalah menjadi tumpuan utama mereka.